

**BN Selangor Persoal Tindakan Pengurusan Atasan KDEB Arah Abbas Kurangkan Air Terawat
Bernama
10 Ogos, 2012**

SHAH ALAM, 10 Ogos (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Selangor mempersoalkan tindakan pengurusan atasan Kumpulan Darul Ehsan Bhd (KDEB) yang didakwa mengeluarkan arahan kepada Konsortium Abbas Sdn Bhd (Abbas) untuk mengurangkan pengeluaran air terawat di negeri itu.

Koordinator BN Selangor Datuk Seri Mohd Zin Mohamed mendakwa arahan itu dibuat melalui sepucuk surat pada 2011 oleh pengurusan atasan KDEB mengarahkan pengeluaran air terawat dikurangkan dari 145 juta gelen sehari kepada hanya 120 juta gelen sehari.

"Apa niat mereka mengeluarkan arahan sebegitu, adakah bertujuan untuk mensabotaj sesiapa termasuk rakyat Selangor. Malah saya juga hairan siapakah yang mengarahkan perkara ini dilakukan," katanya dalam sidang media di sini Jumaat.

Beliau mendakwa tindakan itu menyebabkan berlakunya krisis air di kawasan Kajang dan Balakong memandangkan ABASS mengendalikan Loji Rawatan Air Sungai Semenyih.

Mohd Zin turut mempersoalkan tindakan seorang Exco kerajaan negeri Selangor yang mengadakan bantahan berhubung isu air di hadapan pejabat Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) di Kajang baru-baru ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687191>